

30/07/1998

Firma bermasalah dikecuali levi

KUALA LUMPUR, Rabu - Hanya syarikat yang menghadapi masalah teruk akibat kegawatan ekonomi akan diberikan pengecualian enam bulan lagi daripada mencarum levi untuk Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HDRF).

Syarikat yang berprestasi baik pula perlu mencarum semula dan keperluan mencarum mungkin dikenakan terhadap syarikat di sektor selain pembuatan dan perkhidmatan yang turut mencatatkan keuntungan.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, berkata beliau akan mencadangkan perkara itu pada mesyuarat Kabinet minggu depan untuk keputusan bagi pengecualian kedua apabila pengecualian pertama berakhir 11 Ogos depan.

"Walaupun belum ada keputusan rasmi ... syarikat yang menunjukkan prestasi baik patut mencarum untuk tabung itu ... itulah pandangan kita.

"Kita tidak boleh terus membekukan keperluan caruman kerana kita perlukan wang untuk melatih pekerja," katanya pada sidang akhbar di kementerian itu selepas mesyuarat mingguan Kabinet hari ini.

Keperluan caruman HDRF digantung selama enam bulan sejak Februari lalu berikutan rayuan majikan yang menghadapi kesukaran akibat kegawatan ekonomi.

Majikan daripada sektor pembuatan dan perkhidmatan dengan 10 pekerja dan modal berbayar RM2.5 juta keatas dikehendaki mencarum satu peratus daripada nilai penggajian keseluruhan syarikat.

Mengenai isu caruman rakyat Malaysia dalam Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF), Lim berkata beliau sudah menerima surat jawapan daripada Menteri Tenaga Kerja Singapura, Lee Boon Yiang, seminggu lalu tetapi enggan menyatakan isi kandungannya.

Menurutnya, beliau perlu mengemukakannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terlebih dulu kerana isu itu membabitkan soal perhubungan di antara kerajaan kedua-dua negara.

"Kami (Lim dengan Lee) adalah kawan baik dan kami sentiasa bekerjasama dengan amat baik," katanya apabila terus diminta mengulas mengenai reaksi kerajaan Singapura.

Pada sidang akhbar itu, Lim turut mengumumkan prosedur bagi majikan untuk melaporkan pengambilan pekerja asing kepada Ketua Pengarah Buruh yang akan dikuatkuasakan 1 Ogos depan.

Menurutnya, majikan yang sudah menggaji pekerja asing sebelum 1 Ogos 1998 perlu mengisi borang PA 1/98 dan mengemukakan kepada Pejabat Buruh sebelum 1 September depan.

Katanya, majikan yang menggaji pekerja asing selepas 1 Ogos 1998 pula perlu mengisi borang PA 2/98 dan mengemukakannya kepada Pejabat Buruh dalam masa 14 hari.

Kedua-dua borang itu boleh didapati secara percuma di semua pejabat buruh berhampiran.

Menjawab soalan, Lim berkata majikan di Sabah dan Sarawak tidak perlu melaporkan pengambilan pekerja asing kerana mereka tidak tertakluk kepada Akta Kerja 1955.

(END)